

**Najib Ucap 'Onam Ashamsakal' Kepada Masyarakat Malayalee
Bernama
15 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan 'Onam Ashamsakal' kepada semua masyarakat Malayalee di Malaysia.

Pesta menuai dan kesyukuran itu akan dirayakan pada Isnin.

"Memandangkan perayaan ini serentak dengan sambutan ulang tahun ke-50 Hari Malaysia, moga semangat keterangkuman 'Onam' yang menjangkau halangan agama diteruskan dan membawa kemakmuran sepanjang tahun kepada masyarakat dan negara Malaysia yang kita cintai ini," katanya dalam posting terbaharu facebook beliau.

'Onam' jatuh pada bulan pertama kalendar 'Chingam', Malayalam, iaitu antara Ogos hingga September, dan menandakan sambutan memperingati kepulangan Maharaja Mahabali.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977952>